



Bil. 08/2021 – C19(M) 05032021- (R)

EDARAN DALAMAN
ANGGOTA KERJA SAHAJA

PEMAKLUMAN TERKINI MENGENAI OPERASI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan, di sidang media bertarikh 2 Mac 2021 berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Perak dan Kelantan serta Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di Melaka, Pahang, Terengganu, Perlis, Sabah, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan dari **5 Mac 2021 hingga 18 Mac 2021**, pihak Pengurusan UNITEN telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Pelaksanaan Bekerja dari Pejabat (*Work From Office*) mengikut **Kumpulan A** dan **Kumpulan B** akan berkuat kuasa dari **8 Mac 2021**. Oleh itu seluruh anggota kerja kedua-dua kampus perlu kembali bertugas di pejabat mengikut kumpulan yang telah ditetapkan mulai 8 Mac 2021. Sehubungan dengan itu, **Pekeliling Pengurusan Sumber Manusia UNITEN/SM1/19/1(2020-07)** bertarikh **9 Oktober 2020** harus dipatuhi oleh semua anggota kerja UNITEN. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh memanggil mana-mana anggota kerja untuk bertugas di pejabat atas keperluan operasi. Untuk makluman, pelaksanaan Bekerja dari Rumah (*Work from Home*) pada **5 Mac 2021** akan diteruskan dengan menggunakan **Klausa A** dalam **Edaran Bil. 3/2021-C19(M)12012021** yang bertarikh **12 Januari 2021**.
2. Selaras dengan SOP terkini PKPB yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), anggota kerja di dalam **kategori Pengurusan** yang dibenarkan bekerja di pejabat adalah dihadkan kepada **30%**. Jadual penggiliran tugas akan ditentukan oleh Ketua Jabatan.
3. Semua operasi UNITEN di kedua-dua Kampus Putrajaya dan Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS) yang melibatkan pejabat, UNITEN *Customer Centre* (UCC), makmal, perpustakaan, kafeteria dan perkhidmatan *shuttle* adalah dibuka semula berkuat kuasa **8 Mac 2021**.



3. Sebarang aktiviti yang berbentuk perhimpunan ramai / bengkel / mesyuarat adalah tertakluk kepada bilangan peserta maksima 50% kapasiti keluasan tempat dengan penjarakan fizikal 1 meter dan terhad kepada 30 orang bagi mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 di dalam kampus.
4. Semua SOP sedia ada berkaitan langkah-langkah pencegahan dan kawalan penularan COVID-19 di dalam kampus seperti pemeriksaan suhu badan, penggunaan MYSHIELD, penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan lain-lain adalah wajib dipatuhi oleh semua anggota-kerja.

Semua anggota kerja adalah diingatkan agar sentiasa mematuhi arahan dari semasa ke semasa, mengelak daripada menghadiri sebarang bentuk perkumpulan atau mengunjungi tempat-tempat yang sesak dan mengamalkan kawalan sendiri seperti yang disarankan oleh KKM. Semua anggota kerja turut disarankan untuk menjaga kebersihan iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun / *hand sanitizer*, amalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dan memakai pelitup muka. Sekiranya terdapat tanda-tanda dan sebarang gejala, anggota kerja harus mendapatkan rawatan dari klinik berdekatan dengan kadar segera.

Pengurusan UNITEN akan mengeluarkan pemakluman lanjut kepada anggota kerja dari semasa ke semasa. Sehubungan itu semua pihak diminta untuk mengambil maklum dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan UNITEN, MKN dan KKM.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 03-89212019 atau emel covid19taskforce@uniten.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dato' Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha *FASc, FIEM*
Naib Canselor
Universiti Tenaga Nasional
5 Mac 2021